

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama .
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HKB 312 Karya-Karya Terpilih dari Kesusasteraan Eropah

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA [5] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Setakat manakah Conrad berjaya memberi kita suatu wawasan yang segar tentang perhubungan di antara seseorang individu dan masyarakatnya di dalam An Outpost of Progress? Bagaimanakah Conrad menyoal semula maksud istilah-istilah seperti "ketamadunan" dan "kemunduran"?
2. Salah satu ciri yang menentukan kecemerlangan sesebuah cerpen ialah kebolehan pengarang mempersembahkan kerumitan di dalam kewujudan manusia melalui suatu bentuk kesusasteraan yang padat. Dengan merujuk kepada pernyataan di atas, analisislah setakat manakah pengalaman-pengalaman Laura di dalam The Garden Party mendedahkan selok-belok kewujudan manusia.
3. SAMA ADA
 - (a) Di dalam bahasa Perancis tajuk novel Malraux Man's Estate ialah La Condition Humainé. Melalui analisis riwayat hidup Kyo, Chen dan Ferral, jelaskan maksud perkataan-perkataan "estate" dan "condition".

ATAU

- (b) Di dalam Existentialism and Humanism, Jean Paul Sartre menerangkan bahawa manusia existentialis yang inginkan kebebasan itu tidak boleh mengabaikan tanggungjawab terhadap manusia lain. Setakat manakah Malraux berjaya menunjukkan bahawa "kebebasan" adalah isu yang kompleks melalui perwatakan Kyo, Chen, Katow, Ferral dan Clappiqué?

.../2

4. Di dalam cerpen Balthazar's Marvellous Afternoon, "sangkar burung" digunakan sebagai leitmotif oleh Marquez. Setakat manakah Marquez berjaya menggunakan objek fizikal ini sebagai pembawa maksud simbolik?

5. SAMA ADA

(a) Salah satu di antara ciri-ciri istimewa di dalam penulisan Compton - Burnett ialah kegemaran beliau menjukstaposisikan sikap sopan santan di permukaan kelakuan manusia dan keganasan yang tersirat di bawah permukaan itu.

Dengan merujuk kepada pernyataan di atas, tunjukkan sejauh manakah Compton - Burnett berjaya mendedahkan keganasan di antara ahli-ahli keluarga Duncan di dalam A House and its Head.

ATAU

(b) Di dalam A House and its Head cuma terdapat manusia yang kejam dan munafik. Sejauh manakah pernyataan ini benar? Bincangkan.

-ooo000ooo-